

## **Keberangkalan *Gharar* di dalam E-Wallet: Satu Penelitian Awal**

Mohd Shahid Mohd Noh,<sup>1</sup>  
Nor Fahimah Mohd Razif<sup>2</sup>  
Muhammad Asyraf Ruslan<sup>3</sup>

### **ABSTRAK**

*Pendigital kaedah pembayaran telah menunjukkan peningkatannya di kalangan rakyat Malaysia khususnya ketika pandemik Covid-19 sedang melanda dunia. E-wallet adalah antara aplikasi pembayaran digital yang mesra pengguna dan mudah diakses sama ada oleh pengguna mahupun benefisiari yang lain. Secara umumnya, perkhidmatan e-wallet ini tidaklah dilihat mempunyai unsur-unsur yang bercanggah dengan prinsip syariah selagi barangan dan perkhidmatan yang dibeli adalah patuh syariah. Walau bagaimanapun, ada beberapa isu yang dibangkitkan sebagai peringatan kepada syarikat penyedia e-wallet. Aplikasi yang melibatkan beberapa pihak seperti pengguna, penjual atau peniaga didakwa terdedah kepada gharar yang berpotensi menjadikan akad tersebut rosak. Kertas ini bertujuan untuk memberikan satu pandangan awal mengenai risiko berlakunya gharar dalam transaksi menggunakan e-wallet yang makin mendapat tempat di kalangan pengguna. Hasil kajian menunjukkan, sekiranya asas hubungan yang berlaku antara penyedia perkhidmatan e-wallet adalah berasaskan kontrak wakalah atau kontrak wadi'ah keberangkalan berlakunya gharar itu adalah tipis memandangkan akad tersebut terbina di atas ihsan.*

**Kata kunci:** *E-wallet, gharar, kewangan Islam*

### **PENDAHULUAN**

E-wallet adalah satu perkhidmatan digital yang disediakan oleh syarikat penyedia perkhidmatan ini bagi memudahkan pemindahan wang dari pengguna kepada pedagang (*merchant*). TouchMGo, Lazada dan Shopee adalah antara penyedia perkhidmatan yang tersohor di Malaysia. Sistem pembayaran di Malaysia secara umumnya dibahagikan kepada dua jenis iaitu Sistem Pembayaran Bernilai Besar (*Large Value Payment System*) dan Sistem Pembayaran Runcit (*Retail Payment System*).

Sistem Pembayaran Bernilai Besar ditakrifkan sebagai sistem penyelesaian kasar di mana kedua-dua pemprosesan dan penyelesaian akhir arahan pemindahan dana boleh berlaku secara berterusan iaitu dalam masa nyata. Sistem ini penting untuk memastikan kelancaran fungsi ekonomi, sistem kewangan dan pasaran kewangan. Sekiranya berlaku kegagalan terhadap sistem ini, maka ia boleh mencetuskan gangguan atau menggugat kestabilan ekonomi dan pasaran kewangan pada skala domestik mahupun global.

Sistem pembayaran runcit pula digunakan oleh institusi dan pengguna runcit (*retail consumer*). Sistem ini dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu jenis sistem pembayaran

---

<sup>1</sup> Mohd Shahid Mohd Noh, Jabatan Syariah Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, [shahid82@um.edu.my](mailto:shahid82@um.edu.my)

<sup>2</sup> Nor Fahimah Mohd Razif, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, [norfahimah@um.edu.my](mailto:norfahimah@um.edu.my)

<sup>3</sup> Muhammad Asyraf Ruslan, Jabatan Syariah Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

runcit, jenis instrumen pembayaran runcit dan juga jenis saluran (*channel*) pembayaran runcit. Sistem pembayaran runcit merupakan sistem yang digunakan bagi urusan pembayaran runcit. Ada beberapa jenis sistem yang digunakan untuk pembayaran runcit di Malaysia, antaranya ialah Sistem Penjelasan Imej Cek Kebangsaan (eSPICK), Rangkaian Perkongsian ATM (SAN), HOUSE, Sistem GIRO Antara Bank (IBG), *Direct Debit*, dan Bursa Pemprosesan Kewangan (FPX). Antara contoh instrumen pembayaran runcit ialah cek, kad kredit, kad caj, kad debit, dan e-money. E-money merupakan subjek utama dalam diskusi ini.

E-money adalah alat pembayaran dalam bentuk elektronik di mana nilai wang disimpan dalam media elektronik tertentu. E-money dikeluarkan berdasarkan nilai wang yang didepositkan terlebih dahulu oleh pemegang kepada penerbit dan nilai wang disimpan secara elektronik dalam medium seperti pelayan (*server*) atau cip. E-money bukan sahaja bertindak sebagai pengganti wang tunai fizikal yang berbentuk syiling dan wang kertas, tetapi juga sebagai sistem yang membolehkan penggunaannya membayar barangan atau perkhidmatan dengan menghantar nombor dari satu komputer ke komputer lain.

Daripada definisi di atas, dapat difahami bahawa e-money ialah salah satu instrumen pembayaran yang dikuatkuasakan di bawah seksyen 31 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] Bank Negara Malaysia atau nama lainnya Perintah Perkhidmatan Kewangan (Instrumen Pembayaran yang Ditetapkan) 2013 dan ia sah untuk digunakan di Malaysia. Oleh sebab e-money juga tergolong dalam kategori instrumen pembayaran yang ditetapkan, maka e-money boleh digunakan untuk semua urusan pembayaran di Malaysia. Secara asasnya, e-money mempunyai sifat-sifat yang sama dengan wang tunai dan neutral, namun berbeza pada keadaannya iaitu e-money disimpan dalam bentuk elektronik manakala wang tunai pula dalam bentuk wang kertas. Oleh yang demikian, e-money bebas digunakan secara konvensional mahupun secara Islamik berdasarkan sifat neutral dan persamaan yang ada pada wang tunai.<sup>4</sup>

E-money boleh wujud dalam dua keadaan, sama ada ketara atau tidak ketara. Bentuk ketara yang dimaksudkan adalah seperti bentuk yang berasaskan kad seperti kad prabayar. Manakala bentuk tidak ketara pula adalah seperti bentuk yang berasaskan rangkaian yang boleh diakses oleh pengguna melalui internet, telefon pintar, mahupun peranti-peranti lain.<sup>5</sup> Selain itu, e-money berperanan menyimpan dana secara elektronik. Oleh yang demikian, e-money mempunyai nilai monetari walaupun disimpan secara elektronik. Ia merupakan pertukaran dana yang dibayar kepada penerbit e-money. Dalam erti kata lain, penerbit e-money menerima wang tunai daripada pengguna dan menukarkan dana tersebut ke dalam bentuk elektronik. E-money juga berfungsi sebagai alat pembayaran kepada sesiapa sahaja selain daripada penerbit e-money E-money berdasarkan Perintah Perkhidmatan Kewangan (Instrumen Pembayaran yang Ditetapkan) 2013. Frasa “sebagai alat pembayaran kepada sesiapa sahaja selain daripada penerbit e-money” bermaksud ia boleh menjadi alat pemindahan dana kepada sesiapa sahaja yang menerima e-money sebagai bayaran bagi barangan mahupun perkhidmatan yang diberikan, selain daripada penerbit e-money itu tadi.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Bank Negara Malaysia: “E-wallet secara asasnya merupakan dompet versi digital bagi dompet fizikal yang menyimpan maklumat pengguna seperti identiti, e-mel dan alamat

---

<sup>4</sup> Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, “Keputusan Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Wang Elektronik Sebagai Instrumen Pembayaran Patuh Syariah”, Mesyuarat MPS ke-201 dan Mesyuarat Khas MPS ke-26 bertarikh 29 dan 30 Januari 2020, 4.

<sup>5</sup> Bank Negara Malaysia, “Malaysia's Payment System,” [https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=ps&pg=ps\\_mps\\_type&ac=177&lang=en](https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=ps&pg=ps_mps_type&ac=177&lang=en), diakses pada 24 Ogos 2020.

rumah, pelbagai kad kredit dan nombor akaun bank, serta kad hadiah dan kad kesetiaan dalam persekitaran yang selamat”.

Manakala bagi Asmadi et.al<sup>6</sup> “e-wallet merupakan suatu peralatan elektronik, aplikasi ataupun perkhidmatan dalam talian yang membolehkan pengguna untuk melakukan transaksi secara elektronik dan dalam talian, melalui kemudahan seperti komputer, tablet mahupun telefon pintar untuk membuat urusan pembelian barangan dan perkhidmatan di kedai mahupun pasar raya yang menerima metode pembayaran melalui e-wallet tersebut”.

Ringkasnya, e-wallet adalah satu aplikasi yang menyerupai dompet digital membolehkan pengguna untuk menyalurkan bayaran kepada mana-mana pihak dengan keizinan dari pemilik e-wallet tersebut. Hakikatnya, perkhidmatan e-wallet hari ini bukan sahaja setakat menjadi platform pemudah bayaran sebaliknya memberikan ganjaran, tawaran, fasiliti berbentuk kewangan dan lainnya. Sehubungan dengan itu, timbul persoalan adakah perkhidmatan seperti ini yang melibatkan perpindahan dan transaksi kewangan ini boleh menimbulkan isu *gharar*? Azrul Azlan<sup>7</sup> juga membangkitkan beberapa isu Syariah perlu dikaji dan diteliti bagi mencari solusi kepada persoalan tersebut.

Bagi menjawab permasalahan ini, modus operandi e-wallet perlu difahami terlebih dahulu sebelum analisa secara fiqh dilakukan.

### **Modus Operandi E-Wallet**

Model yang biasa digunakan bagi aplikasi ini menjadikan platform e-dagang sebagai gerbang utama bagi penyediaan perkhidmatan ini. Platform e-dagang merupakan sebuah medan membeli-belah secara maya yang menghimpunkan pengguna, peniaga dan penyedia e-wallet sekaligus secara masa nyata (*real-time*). Pihak penyedia e-wallet merangkap pengurusan platform bertanggungjawab untuk menyediakan sebuah medium jual beli dan memberi akses kepada para peniaga untuk mempamerkan produk jualan mereka dan akses kepada pengguna (*consumer*) untuk membuat pemilihan barangan yang ingin dibeli melalui platform tersebut.

Selain itu, pihak platform juga bertanggungjawab untuk menyediakan saluran pembayaran bagi membolehkan pengguna untuk melakukan transaksi pembayaran bagi barangan yang dibeli. Pengguna mempunyai beberapa opsi saluran pembayaran seperti perbankan dalam talian, bayaran secara tunai di rangkaian Kedai 7-Eleven, bayaran secara deposit tunai di mesin ATM, bayaran melalui kad kredit dan kad debit, dan juga melalui aplikasi e-wallet yang disediakan oleh pihak platform.

Bagi menggalakkan penggunaan e-wallet yang disediakan oleh pihak platform dalam kalangan pengguna, pelbagai ganjaran istimewa ditawarkan seperti tawaran potongan diskaun dan juga kos penghantaran barangan secara percuma apabila pengguna membuat pembayaran melalui e-wallet tersebut.

Bagi membolehkan pengguna untuk membuat pembayaran melalui e-wallet, pengguna dikehendaki untuk melakukan pengaktifan akaun e-wallet terlebih dahulu melalui prosedur pengesahan identiti pengguna. Kemudian, pengguna boleh mula menambah nilai dana ke dalam e-wallet tersebut dan meneruskan proses pembayaran barangan.

Seperti pengguna, pihak peniaga juga turut mempunyai akaun khas yang digunakan untuk menyelia barangan jualan dan urusan penerimaan bayaran. Pihak platform akan mengenakan caj dengan kadaran yang tertentu kepada para peniaga sebagai bayaran atau

---

<sup>6</sup> Asmadi et al., “Kertas Kerja Kajian Awal Penggunaan E-Wallet (E-Dompet) Mengikut Perspektif Syarak,” Kertas kerja dibentangkan di Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan Islam di Malaysia Kali Ke-15

<sup>7</sup> Azrul Azlan Iskandar Mirza, “Aplikasi e-Wallet: Adakah ia Mematuhi Syariah?” Artikel dirujuk pada Ogos 2022 di <https://e-muamalat.islam.gov.my/ms/bahan-ilmiah/artikel/453-aplikasi-e-wallet-adakah-ia-mematuhi-syariah>.

komisen untuk jualan barangan mereka dalam platform tersebut. Caj tersebut juga dikenali dengan istilah *Merchant Discount Rate* (MDR).

Sebagai contoh, caj yang dikenakan oleh pihak platform kepada para peniaga ialah sebanyak 2% daripada nilai harga barang jualan. Oleh yang demikian, sekiranya harga barangan tersebut berharga RM100 maka pihak peniaga hanya akan menerima bayaran sebanyak RM98 sahaja, manakala baki RM2 pula akan dibayar kepada pihak platform tersebut.

Pihak platform juga berperanan sebagai orang tengah yang mengawal urusan penerimaan dan pemberian wang jualan daripada pengguna kepada peniaga. Ia seakan escrow account atau akaun amanah yang menjaga kepentingan pengguna sekiranya berlaku penipuan dan sebagainya. Sekiranya berlaku penipuan berkaitan barangan yang dihantar, maka pengguna boleh terus melaporkan hal tersebut kepada pihak pengurusan platform untuk siasatan selanjutnya. Sekiranya laporan tersebut disahkan benar, maka wang tersebut tidak akan dilepaskan kepada peniaga dan proses pemulangan semula wang (*refund*) akan dimulakan dengan memasukkan semula wang tersebut ke dalam e-wallet pengguna. Antara contoh platform e-dagang yang menyediakan e-wallet ialah seperti Shopee dan Lazada.

### ***Gharar* Sebagai Elemen yang Dilarang dalam Kontrak**

Secara umumnya, pengharaman elemen *gharar* diambil dari hadis Nabi Muhammad S.A.W:

نَهَى عَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ

Maksud: Sesungguhnya Nabi SAW menegah dari melakukan jualan *gharar*.

Sekalipun pengharaman *gharar* di dalam akad jual beli adalah perkara yang disepakati, definisi secara terperinci mengenainya masih menjadi perbincangan dan khilaf di kalangan ulama apabila dua sumber utama Syariat, al-Quran dan hadis tidak memberikan satu definisi yang tepat dan jelas mengenai *gharar*.<sup>8</sup> Imam Syafi'e<sup>9</sup> menghuraikan *bay' gharar* ini berlaku sekiranya ia mengundang ketidaktahuan seperti menjual ikan yang masih berada di dalam kolam dan menjual perkara yang tidak dapat diserahkan, menjual bulu kambing yang masih melekat di badan kambing tersebut. Menjual perkara yang belum lagi wujud dan tidak diketahui akan jenis dan bentuknya juga dianggap salah satu bentuk dari *gharar*.<sup>10</sup> Al-'Umrani pula menyifatkannya sebagai pemalsuan di dalam akad yang menyebabkan ia diharamkan.<sup>11</sup> Di dalam kitab yang sama juga beliau menghuraikan *gharar* itu berlaku pada perkara yang tidak dapat dipastikan kesudahannya serta kandungannya yang tersembunyi. Selain itu, Tareq & Ahmed, Habib<sup>12</sup> menyifatkan *gharar* sebagai tidak jelas, perjudian dan penipuan.

Dalam konteks kewangan pula, sesuatu urusan niaga itu mempunyai unsur *gharar* sekiranya perkara-perkara yang terlibat tidak diketahui dan tidak dinyatakan ketika melaksanakan kontrak. Hal ini kerana ketidakpastian atau kejahilan terhadap perkara-perkara yang mendasari kontrak boleh mendedahkan pihak yang berkontrak kepada risiko kerugian. Oleh kerana itu, definisi-definisi *gharar* yang telah diberikan oleh para fuqaha

<sup>8</sup> Ahmad Hidayat Buang, "The Significance of Prohibition of *Gharar* towards the Formulation of Essentials of Contract in Islamic Muamalat: An Analysis from the Quran and Hadith," *Al-Bayan Journal of Al-Qur'an & Al-Hadith* 2 (2004): 172.

<sup>9</sup> Muhammad bin Idris al-Syafi'e, *Al-Umm*, (Madinah: Dar al-Bukhari, 1995), 233.

<sup>10</sup> Ibrahim bin Ali Al-Syirazi, *Al-Muhazzab fi al-Fiqh al-Imam al-Syafi'e*, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, t.t), Jil.2, 12.

<sup>11</sup> Yahya bin Abi al-Khair Al-'Umrani, *Al-Bayan fi al-Mazhab al-Imam al-Syafi'e*, (Jeddah: Dar al-Minhaj, 2000), Jil. 5, 397.

<sup>12</sup> Tariq Moqbel and Habib Ahmed, "Flexibility and Shari'ah Compliance of Islamic Financial Contracts: An Evaluative Framework," *Arab Law Quarterly* 35 (2020): 92-115. <https://doi.org/https://doi.org/10.1163/15730255-BJA10052>

menjurus kepada makna ketidakpastian dan kejahilan. Ini jelas dapat dilihat dalam tiga definisi *gharar* yang mewakili tiga kelompok fuqaha seperti berikut:<sup>13</sup> Pertama, golongan yang mendefinisikan *gharar* sebagai keraguan atau ketidakpastian terhadap kewujudan subjek kontrak.<sup>14</sup> Golongan kedua pula merujuk *gharar* sebagai *jahalah* (ketidaktahuan) terhadap subjek kontrak.<sup>15</sup> Manakala golongan ketiga yang terdiri daripada sebahagian besar fuqaha pula meluaskan skop *gharar* yang mana merangkumi kedua-dua kategori maksud di atas iaitu ketidakpastian dan ketidaktahuan yang berkaitan dengan kontrak.<sup>16</sup> Ini termasuklah ketidakpastian dan ketidaktahuan terhadap kewujudan dan spesifikasi subjek kontrak serta syarat-syarat berkaitan kontrak dan keupayaan untuk menyerahkan subjek kontrak.<sup>17</sup>

Walau bagaimanapun D'Alvia, Daniele<sup>18</sup> mengesahkan tidak semua jenis ketidakpastian perlu dilihat sebagai *gharar* di mana perkara tersebut ada kalanya wujud di dalam proses penghasilan keuntungan di dalam perniagaan sebagaimana dipersetujui oleh falsafah ekonomi Islam dan Barat. Justeru, ia lebih dilihat sebagai ketidakpastian yang memberikan kesan yang jelas kepada pihak yang terlibat.<sup>19</sup>

Justeru dapat difahami bahawa contoh yang dibawa oleh Imam al-Syafi'e di atas bukanlah semata-mata bermaksud menjual ikan di dalam kolam itu tidak harus sebagaimana yang berlaku di dalam transaksi penjualan ikan dan haiwan lain pada hari ini. Apa yang dimaksudkan oleh beliau ialah ketidakmampuan penjual untuk menyerahkan ikan tersebut kepada pembeli kerana ikan tersebut belum pasti dapat ditangkap. Sekiranya ia pasti dan berkemungkinan besar boleh diserahkan kepada pembeli, maka ia bukanlah sesuatu yang *gharar*.

Contoh lain yang diberikan oleh al-Juwayni ialah menjual merpati yang dimiliki namun ia terbang di waktu siang dan pulang pada waktu malam? Al-Juwayni menjelaskan: Sekiranya burung itu kebiasaannya pulang pada waktu malam, hukumnya adalah sah untuk dijual pada waktu siang kerana adat kebiasaan ia akan pulang pada waktu malam....sekalipun ia boleh diperoleh dan dimiliki dengan beberapa kesukaran dan kos, jualan tersebut tetap sah kerana keberangkalanian untuk diserahkan kepada pembeli itu wujud.<sup>20</sup>

Manakala *gharar* dalam akad *ju'alah* pula secara konsepnya memang terbina di atas unsur-unsur *gharar*.<sup>21</sup> Imam al-Nawawi menyebut: Akad *ju'alah* ini harus dilakukan oleh pekerja yang umum tanpa ditentukan kepastian tentang hasil pekerjaan memandangkan kontrak ini diperlukan. Seterusnya, pekerja hanya layak untuk mendapat upah setelah kerja

<sup>13</sup> Siddiq Muhammad al-Amin al-Darir, *al-Gharar in Contracts and Its Effect on Contemporary Transactions* (Jeddah: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank, 1997), 10.

<sup>14</sup> Definisi ini diberikan oleh Ibn `Abidin dan al-Kasani, Lihat Muhammad Amin Ibn `Abidin, *Rad al-Muhtar `ala al-Dar al-Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar: Hashiyah Ibn `Abidin* (al-Riyad: Dar `Alim al-Kutub, 2003), Jil. 7, 252; Abu Bakr b. Mas`ud al-Kasani, *Bada'i` al-Sana'i` fi Tartib al-Shara'i`* (Bayrut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1986), Jil. 5, 163.

<sup>15</sup> Golongan kedua pula terdiri daripada mazhab Zahiri seperti Ibn Hazm. Lihat Abu Muhammad `Ali b. Ahmad b. Sa`id Ibn Hazm, *al-Muhalla* (Mesr: Idarah al-Taba`ah al-Munirah, 1934), Jil. 8, 343.

<sup>16</sup> Markaz al-Dirasat al-Fiqhiyyah wa al-Iqtisadiyyah, *Mawsu'ah Fatawa al-Imam Ibn Taymiyyah fi al-Mu`amalat wa Ahkam al-Mal* (Qaherah: Dar al-Sa`adah, 2005), Jil. 1, 128; Mustafā Ahmad al-Zarqā, *Nizam al-Ta'min: Haqiqatuh wa al-Ra'y al-Shari` fih* (Bayrut: Muassasah al-Risalah, 1994), 51.

<sup>17</sup> Atikullah b. Abdullah, "A Critical Study of the Concept of Gharar and Its Elements in Islamic Law of Business Contract" (Tesis kedoktoran, University of Birmingham, 1998), 117.

<sup>18</sup> D'Alvia, D., "Risk, uncertainty and the market: a rethinking of Islamic and Western finance," *International Journal of Law in Context* 16(4) (2020): 339. <https://doi.org/10.1017/S1744552320000154>

<sup>19</sup> Nadhirah Nordin, Sumayyah Aziz, Azlin Alisa Ahmad, & Normadiyah Daud, "Contracting with Gharar (Uncertainty) in Forward Contract: What Does Islam Says?" *Asian Social Science*, 10(15) (2014): 37-47. <https://doi.org/10.5539/ass.v10n15p37>

<sup>20</sup> Abdul Malik bin Abdullah al-Juwayni, *Nihayat al-Matlab fi Dirayah al-Mazhab*, (Beirut: Dar al-Minhaj, (2007), Jil. 5, 405.

<sup>21</sup> *Nihayat al-Matlab*, 95.

yang ditugaskan terlaksana dengan upah yang telah pun ditentukan oleh mereka yang menawarkan kerja tersebut.<sup>22</sup>

Contoh akad lain yang mengandungi elemen *gharar* adalah akad *salam* sekiranya tempoh penyerahan barang yang dikontrakkan tidak ditetapkan kerana barang yang dibeli tersebut berkemungkinan dapat diserahkan atau tidak.<sup>23</sup> Selain itu, sekiranya bentuk akad tersebut sememangnya bermatlamat sesuatu yang *gharar* atau tidak diketahui seperti akad *mudarabah* dan *musyarakah*, maka keuntungan yang diharapkan ia tidak boleh dicapai seperti akad jual beli yang jelas di mana keuntungannya dibahagikan secara pasti.

Sementara itu, *gharar* juga dikenalpasti berlaku dalam *bai'tain fi bai'ah* (dua kontrak yang digabungkan dalam satu kontrak). Ibnu Rusyd menjelaskan penegahan *gharar* di dalam *bai'tain fi bai'ah* kerana *jahalalah* pada harga kerana syarat kesahan kontrak antaranya harga yang perlu ditentukan terlebih dahulu. Kemudian Imam Malik pula mengolah 'illah pengharaman tersebut supaya ia tidak jatuh kepada *riba nasi'ah* dengan andaian sekiranya pembeli itu memilih harga tunai yang lebih rendah kemudian menukar kembali kepada harga tangguh yang lebih mahal ia akan mengakibatkan pertukaran harga murah dan mahal serta renggangan masa yang membawa maksud *riba nasi'ah* dan juga *tafadhul*.<sup>24</sup>

Imam Al-Syafi'e pula menafsirkan *bai'atan fi bai'ah* dengan bentuk jualan yang disyaratkan dengan jualan seperti: aku menjual kepada kamu rumahku dengan syarat kamu menjual kepadaku akan gandummu. 'Illah yang diketengahkan oleh al-Syafie ekoran tegahan *bai'atan fi bai'ah* ialah kerana *jahalalah* yang berlaku di dalam harga tersebut di mana jualan tersebut perlulah berlaku dengan harga yang jelas dan tetap kerana jualan pertama dan kedua tersebut tidak berlaku dengan pertukaran harga yang jelas sebaliknya disyaratkan dengan jual beli yang lain.<sup>25</sup>

Seterusnya, al-Baji melihat akad tersebut telah menggabungkan dua jenis akad yang berbeza dalam satu kontrak iaitu akad tunai dan bertangguh. Menurut Al-Siddiq al-Dhorir<sup>26</sup> pula: 'Illah pengharaman *bai'atan* adalah kerana *gharar* atau ketidakpastian di mana jualan yang pertama itu belum lagi dapat dipastikan ia berlaku atau berjaya. Hal ini berlaku kerana jual beli yang pertama hanya akan berkuatkuasa sekiranya dengan persetujuan pembeli untuk melakukan jual beli yang kedua yang ia belum pasti lagi berlaku.

Selain itu, *gharar* yang boleh merosakkan akad ini perlu wujud ketika akad sedang berlaku<sup>27</sup>. Perkara yang akan berlaku atau dijangka berlaku tidak akan mengakibatkan jualan itu menjadi *gharar* seperti menjual sesuatu barangan dengan menepati rukun dan syarat jual beli, sedangkan barang tersebut berkemungkinan akan mengalami kejatuhan harga. Jualan seperti ini tidak dianggap *gharar* kerana *jahalalah* itu tidak berlaku ketika akad sedang dijalankan.

Secara ringkasnya, *gharar* yang dibincangkan oleh para cendekiawan Islam merujuk kepada akad jual beli yang secara pasti mengundang perkara yang tidak dapat diketahui dan mengandungi unsur *jahalalah*. Sehubungan dengan itu, Umi Widyastuti et al.<sup>28</sup> mencadangkan agar satu proses yang jelas dan berhati-hati perlu dilaksanakan bagi mengelakkan *gharar* berlaku. Proses tersebut dilihat penting bagi mengelakkan hak-hak pihak yang berkontrak

<sup>22</sup> Yahya bin Sharaf al-Nawawi, *Al-Majmuk Syarah al-Muhazzab*, (Beirut: Dar al-Fikr, t.t), Jil. 15, 113.

<sup>23</sup> *Al-Bayan fi al-Mazhab al-Imam al-Syafi'e*, Jil. 5, 397.

<sup>24</sup> Malik bin Anas, *Al-Mudawwanah*, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), Jil. 3, 39.

<sup>25</sup> *Al-Umm*, 233.

<sup>26</sup> *Al-Gharar wa Athuru fi al-'Uqud*, 103.

<sup>27</sup> Al-Husain bin Mas'ud al-Bughawi, *Al-Tahzib fi Fiqh al-Imam al-Syafi'e*, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), Jil. 5, 307.

<sup>28</sup> Umi Widyastuti, Erie Febrian, Sutisna Sutisna dan Tettet Fitrijanti, "Sharia Compliant in Sharia Mutual Fund: A Qualitative Approach," *International Journal of Economics and Business Administration*, Vol viii (3) (2020); 19-27.

dapat dipelihara. Dalam itu juga, Nordin et al. menghubungkan tegahan tersebut merangkumi ketidaktentuan serta perkara yang melibatkan spekulasi.<sup>29</sup>

### **Hubungan pengguna dan penyedia perkhidmatan**

Antara pihak yang terlibat dalam transaksi e-wallet ialah pengguna dan penyedia perkhidmatan e-wallet. Majlis Penasihat Bank Negara Malaysia mengklasifikasikan akad antara pelanggan dan penyedia perkhidmatan ialah *wakalah bi al-daf'*. Akad ini berpandukan salah satu pendapat dalam mazhab Syafi'e yang mengharuskan *ta'liq* syarat yang akan datang di dalam wakalah. Ia dilihat sama seperti wasiat dan merupakan satu kezinan untuk *betasarruf* di masa hadapan<sup>30</sup>.

Bagi mengenalpasti sama ada wujud elemen *gharar* dalam e-wallet, penjelasan mengenai *gharar* dalam akad perlu dibuat terlebih dahulu. *Gharar* boleh berlaku pada tiga keadaan, sama ada *gharar* pada jenis, kategori dan sifat. *Gharar* pada jenis jualan berlaku apabila pembeli tidak mengetahui apakah barang yang dibelinya. Kedua, *gharar* pada kategori barang yang dibeli boleh berlaku sekiranya pembeli hanya mengetahui jenisnya tanpa memaklumi apakah kategori seperti membeli haiwan tanpa mengetahui apakah jenis haiwannya. Kedua-dua jenis *gharar* dihukumkan dengan batal atau *fasad* secara sepakat ulamak.

*Gharar* pada sifat pula terdapat perbezaan pandangan antara ulama mazhab. Hanafiyah tidak mensyaratkan mengetahui sifat subjek yang dibeli sekiranya ia boleh dilihat. Berbeza dengan Malikiyah yang berpendapat tanpa mengetahui sifat subjek yang dibeli boleh mengakibatkan *gharar*. Ulama Syafi'iyah berbeza pandangan antara mewajibkan makluman sifat kepada pembeli atau tidak. Pendapat yang paling jelas di sisi Hanabilah ialah mewajibkan penjual untuk memaklumkan sifat barang yang dibeli sebagaimana wajibnya penjual mengetahui akan harga jualan barangnya.

Secara umumnya, para ulama menetapkan *gharar* ini berlaku di dalam akad-akad berbentuk *mu'awadat* atau pertukaran seperti jual beli dan sewaan, manakala pada akad berbentuk pemberian atau tabarru'at diharuskan berlakunya *gharar*.<sup>31</sup> Mazhab Hanafi mengharuskan akad hibah yang disangkutkan kepada perkara yang berisiko untuk tidak berlaku seperti: aku memberi hibah kepada kamu hutangku ke atas si fulan. Risiko hutang itu tidak dapat dilunaskan amatlah tinggi, namun hibah diharuskan sekalipun keberangkalan untuk memperoleh subjek hibah tersebut tidak menentu.

Mazhab Maliki pula mengharuskan segala bentuk hibah dan sedekah sama ada ia tidak diketahui, atau bercampur dengan yang lain, boleh dibahagikan atau tidak.<sup>32</sup> Perkara ini dikiaskan dengan harta warisan yang tidak pun diketahui akan jumlah dan bentuknya oleh penerima. Perkara yang lebih dilihat *gharar* di dalam akad hibah ialah *hibah bit thawab* atau hibah dengan balasan menurut salah satu pendapat dalam mazhab Syafi'e. Sekiranya pemberi hibah menjangkakan penerima itu tidak akan membalas hibahnya, dia boleh mengambil kembali hibahnya.

Namun, terdapat beberapa keadaan elemen *gharar* itu tidak dapat dielakkan atau dihapuskan sepenuhnya. Oleh yang demikian, *gharar* yang sedikit boleh diterima. Bagi mengukur adakah *gharar* itu sedikit atau banyak, adat atau uruf semasa yang sesuai dengan akad tersebut akan dijadikan batu aras bagi memudahkan kefahaman di dalam isu ini.<sup>33</sup>

<sup>29</sup> Nadhirah et. al., "Contracting with Gharar," 37-47.

<sup>30</sup> *Al-Majmuk Syarah al-Muhazzab*, 113.

<sup>31</sup> `Abd Karim Zaydan, *al-Madkhal li al-Dirasah al-Shari'ah al-Islamiyyah* (Baghdad: Matba'ah al-'Aani, 1969), 308; Abdul Hadi Awang, "Gharar dalam Perspektif Fiqh al-Hadith: Analisis Terhadap 'Illah dan Prinsip," *Hadis: Jurnal Ilmiah Berimpak* 2(4) (2012): 63-94.

<sup>32</sup> Al-Qarafi, *Al-Furuq*, (Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998), Jil. 1, 276 - 277.

<sup>33</sup> *Al-Furuq*, 171.

## DISKUSI: *GHARAR* DI DALAM AKAD HIBAH / HADIAH

Imam Malik menolak amalan memberi hibah dengan lebih pertukaran antara barang ribawi. Beliau menerangkannya dalam *al-Mudawwanah* sekiranya seorang itu menjual dirham dengan perak atau sebaliknya dan mendapati bahawa salah satu darinya lebih berat lalu dihadiahkan lebih tersebut, maka perbuatan sebegini tidak diharuskan dengan hujah bahawa setiap pertukaran perak dan emas hendaklah dilakukan dalam timbangan yang sama.<sup>34</sup> Sekalipun perbuatan memberi hibah itu pada asalnya adalah harus tetapi ia dilihat seperti satu helah untuk melarikan diri dari *riba al-fadhl* atau *gharar* dalam jual beli emas perak. Justeru, hibah yang berlaku selepasnya juga diharamkan.

Gambaran di atas berbeza dengan akad yang memang diasingkan dari awalnya seperti seorang itu menjual emas dengan emas dan kemudian menambah satu pemberian sebagai hadiah tanpa memasukkan atau mengaitkannya dengan jual beli tersebut, ia adalah harus. Perbezaan contoh ini dengan contoh sebelumnya ialah hadiah tersebut tidak dimasukkan dalam akad jualan sementara contoh sebelum itu telah dimasukkan dan kemudian dikeluarkan dengan pemberian hadiah.

Secara keseluruhan, bagi meletakkan sesuatu hal itu sebagai *gharar* yang dimaafkan, majoriti para fuqaha telah meletakkan tiga syarat berikut sebagai garis panduan. Yang pertama adalah *gharar* tersebut haruslah tergolong dalam kategori *gharar* yang sedikit dan ringan. Yang kedua, urusan niaga yang dilakukan merupakan perkhidmatan yang amat diperlukan oleh masyarakat, dan yang ketiga adalah *gharar* tersebut sukar untuk dielakkan melainkan dengan *masyaqqah* yang diiktiraf oleh syara'.

Antara bentuk jual beli lain yang diharamkan kerana elemen *gharar* adalah *bay' wa salaf*. Tegahan ini menunjukkan bahawa prinsip Islam mementingkan kepada akad yang konsisten serta tetap. Walaubagaimanapun ia tidak menafikan keharusan berlakunya perkembangan di dalam operasi dan sistem akad yang memungkinkan wujudnya perubahan di dalam keharusan perkara ini. Apabila keterbukaan itu wujud di dalam hal ini sudah pasti ia terbina di atas maslahat dan faedah bagi pihak yang berakad.

### Gabungan akad-akad yang pelbagai

Jumhur fuqaha dari Hanafiya, Hanabilah dan Syafi'iyah mengambil hadis Nabi Muhammad SAW yang menegah dari melakukan dua jual beli dalam satu akad itu secara zahir dengan menyimpulkan bahawa penggabungan akad itu adalah satu perkara yang ditegah<sup>35</sup>. Walaubagaimanapun, bukanlah kesemua jenis akad tidak boleh digabungkan. Justifikasi yang diberikan oleh al-Syatibi bagi penegahan penggabungan kontrak adalah kerana wujudnya kontradiksi yang jelas di antara akad-akad tersebut yang secara berasingannya membawa maksud dan objektif yang tersendiri. Apabila ia digabungkan, maksud tersebut telah rosak dan tidak membantu pihak yang berakad mencapai objektif dan manfaat dari akad-akad tersebut<sup>36</sup>.

Al-Malikiyah menghuraikan lagi apakah jenis-jenis akad yang tidak boleh digabungkan dengan akad jual beli dengan satu dengan *rumuz* (جس مشنق) iaitu *ju'alah*, *sarf*, *musaqah*, *syarikah*, *nikah* dan *qiradh* atau *Mudarabah*.<sup>37</sup> Al-Syatibi menghuraikan lebih lanjut: *Ju'alah* adalah akad yang tidak lazim<sup>38</sup> di mana *gharar* tidak akan merosakkan akad

<sup>34</sup> *Al-Mudawwanah*, 39.

<sup>35</sup> Usman bin Ali al-Zai'ali, *Tabyin al-Haqaiq Syarh Kanz al-Daqaiq*, (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1999), Jil. 4, 393; Ali bin Muhammad Al-Mawardi, *Al-Hawi al-Kabir Syarh Mukhtasar al-Muzani*, (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1994), Jil.5, 342.

<sup>36</sup> Ibrahim al-Lakhmi al-Syatibi, *Al-Muwafaqat fi Usul al-Ahkam*, (Beirut: Dar al-Fikr al-'Arabiyy, t.t), Jil. 3, 114.

<sup>37</sup> Muhammad bin Ahmad Miyarah, *Syarh Muyarah 'ala Tuhfat al-Ahkam*, (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1990), Jil. 1, 456.

<sup>38</sup> Boleh dibatalkan oleh mana-mana pihak.



tersebut dan ia berbeza sekali dengan jual beli yang merupakan akad lazim<sup>39</sup> yang boleh menjadi fasad sekiranya wujud *gharar* yang banyak atau *fahish*. Sementara itu, *bay' al-sarf* (pertukaran mata wang) adalah akad yang dibina di atas prinsip *tasydid* dan tidak boleh bermudah-mudah, *khiyar* (pilihan untuk meneruskan atau menamatkan kontrak) dan penangguhan penyerahan matawang ditegah sama sekali manakala jual beli pula diharuskan berlaku *khiyar* dan penangguhan serahan barang.<sup>40</sup>

Justeru, dapat difahami larangan penggabungan akad tersebut bukanlah secara mutlak sebaliknya ia ditegah supaya fungsi dan objektif setiap akad itu dapat dilaksanakan sebagaimana yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, Al-Juwayni<sup>41</sup> menjelaskan di dalam al-Nihayat: Situasi apabila pelbagai akad dihimpun di dalam satu *safaqah* (polisi), di mana sekiranya ia dilaksanakan secara berasingan, maka akad tersebut sah. Ia juga berkemungkinan menghimpun akad yang memiliki implikasi yang berbeza seperti di bawah:

- a. Ada akad yang boleh fasakh.
- b. Ada akan yang boleh dilaksanakan.
- c. Akad yang hampir dengan *gharar*.
- d. Akad yang tidak memiliki *gharar*.

Pendapat pertama menyatakan penggabungan tersebut diharuskan bagi meraikan faktor pembinaan akad tersebut yang diasaskan kerana keperluan. Keperluan atau hajat adalah antara sandaran yang diambil kira di dalam feqah terutamanya mengikut kepada kesesuaian dan perkembangan semasa yang melibatkan inovasi dan aplikasi yang terkini. Merujuk sepintas lalu kajian berkaitan *gharar* yang wujud dalam produk kewangan moden antaranya Elhessi, A.R et al.<sup>42</sup> membandingkan *gharar* yang berlaku di dalam kontrak hadapan dengan praktis di Malaysia dan Amerika Syarikat. Mereka mendapati bahawa kontrak tersebut mengandungi *gharar* yang melampau yang berpotensi merosakkan dan boleh menggalakkan aktiviti spekulasi dan perjudian. Sementara itu Suhaimi, M. A. et al.<sup>43</sup> mendapati perkhidmatan e-dagang yang ditawarkan oleh medium penawaran perniagaan menerusi talian telah menawarkan satu produk yang menepati piawaian Syari'ah serta bebas dari *gharar*. Hal ini diputuskan setelah pengesahan dibuat oleh pihak ketiga di samping mendapat kepercayaan yang tinggi dari pelanggan dalam talian mereka.

Menerusi dua artikel dia atas, dapat difahami bahawa *gharar* yang melampau adalah perkara yang masih boleh wujud di dalam mana-mana transaksi yang moden, sekiranya wujud jahalah dan ketidaktentuan yang jelas. Pengiktirafan dari mana-mana pihak yang berautoriti Syariah dan penerimaan secara positif dari pihak pelanggan juga membantu di dalam proses memurnikan sesuatu produk atau platform itu dari unsur *gharar*.

## KESIMPULAN

Para fuqaha bersepakat bahawa *gharar* hanya akan berlaku di dalam akad yang berbentuk pertukaran harga dengan barangan atau manfaat sebagaimana contoh-contoh di atas seperti *bai'atan fi bai'ah*, *mulamasah* dan seterusnya. Adapun akad yang terbina di atas ihsan atau *tabarru'at* seperti *wakalah* yang diilustrasikan oleh MPS BNM dengan menjustifikasikan hubungan antara pelanggan dengan penyedia perkhidmatan e-wallet adalah *wakalah bi al-*

---

<sup>39</sup> Hanya boleh dibatalkan sekiranya kedua-dua pembeli dan penjual bersetuju.

<sup>40</sup> *Al-Muwafaqat fi Usul al-Ahkam*. 114.

<sup>41</sup> *Nihayat al-Matlab*, 313.

<sup>42</sup> Abeer R. Elhessi, Amr A. Youssef, and Mohamed A. Ragheb, "Gharar in futures contracts from Islamic perspective: A case study of USA & Malaysia," *Journal of Governance and Regulation*, 7(2018): 18.

<sup>43</sup> Muhammad Adam Suhaimi, M. J. M. Razi, Husniyati Hussin, Mohd Rosydi Muhammad, and Marjan Muhammad, "Muslim Consumers' Perceived Behavior in E-commerce Environment," *Kertas Prosiding International Conference on Advance Computer Science Application and Technologies* pada 2013.

*daf'*, ia tidaklah melibatkan elemen *gharar* di urusan tersebut. Jika diandaikan hubungan tersebut berlandaskan kepada *wadi'ah yadd dhomanah* atau *amanah* sekalipun, *gharar* tidak akan berlaku kerana tiada sebarang pertukaran yang berlaku antara pelanggan dan penyedia e-wallet. Selagi mana, duit pelanggan masih dipelihara di dalam jagaan penyedia e-wallet, dia telah menepati tugas penjagaan atau *wadi'ah* yang perlu dilaksanakan.

## RUJUKAN

- Abeer R. Elhessi, Amr A. Youssef, and Mohamed A. Ragheb, "Gharar in futures contracts from Islamic perspective: A case study of USA & Malaysia," *Journal of Governance and Regulation*, 7(2018); 18-30.
- Abd Karim Zaydan. *al-Madkhal li al-Dirasah al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Baghdad: Matba'ah al-'Aani, 1969.
- Abdul Hadi Awang, "Gharar dalam Perspektif Fiqh al-Hadith: Analisis Terhadap 'Illah dan Prinsip," *Hadis: Jurnal Ilmiah Berimpak* 2(4) (2012): 63-94.
- Ahmad Hidayat Buang, "The Significance of Prohibition of *Gharar* towards the Formulation of Essentials of Contract in Islamic Muamalat: An Analysis from the Quran and Hadith," *Al-Bayan Journal of Al-Qur'an & Al-Hadith* 2 (2004): 171-188.
- Al-Bughawi, al-Husain bin Mas'ud. *Al-Tahzib fi Fiqh al-Imam al-Syafi'e*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1997. Jil. 5.
- Al-Darir, Siddiq Muhammad al-Amin. *al-Gharar in Contracts and Its Effect on Contemporary Transactions*. Jeddah: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank, 1997.
- Al-Juwayni, Abdul Malik bin Abdullah. *Nihayat al-Matlab fi Dirayah al-Mazhab*. Beirut: Dar al-Minhaj, 2007. Jil. 5.
- Al-Kasani, Abu Bakr b. Mas'ud. *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986. Jil. 5.
- Al-Mawardi, Ali bin Muhammad. *Al-Hawi al-Kabir Syarh Muktasar al-Muzani*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1994. Jil.5.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. *Al-Majmuk Syarah al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr, t.t. Jil. 15.
- Al-Qarafi, *Al-Furuq*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998. Jil. 1.
- Al-Syafi'e. Muhammad bin Idris. *Al-Umm*, Madinah: Dar al-Bukhari. 1995.
- Al-Syatibi, Ibrahim al-Lakhmi. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Fikr al-'Arabiyy, t.t. Jil. 3.
- Al-Syirazi, Ibrahim bin Ali. *Al-Muhazzab fi al-Fiqh al-Imam al-Syafi'e*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, t.t. Jil.2.
- Al-'Umrani, Yahya bin Abi al-Khair. *Al-Bayan fi al-Mazhab al-Imam al-Syafi'e*. Jeddah: Dar al-Minhaj, 2000. Jil. 5.
- Al-Zai'ali, Usman bin Ali. *Tabyin al-Haqaiq Syarh Kanz al-Daqaiq*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1999. Jil. 4.
- Al-Zarqā, Mustafā Ahmad. *Nizam al-Ta'min: Haqiqatuh wa al-Ra'y al-Shari' fih*. Bayrut: Muassasah al-Risalah, 1994.
- Asmadi et al., "Kertas Kerja Kajian Awal Penggunaan E-Wallet (E-Dompot) Mengikut Perspektif Syarak," Kertas kerja dibentangkan di Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan Islam di Malaysia Kali Ke-15
- Atikullah b. Abdullah. "A Critical Study of the Concept of Gharar and Its Elements in Islamic Law of Business Contract." Tesis kedoktoran, University of Birmingham, 1998.
- Azrul Azlan Iskandar Mirza, "Aplikasi e-Wallet: Adakah ia Mematuhi Syariah?" Artikel dirujuk pada Ogos 2022 di <https://e-muamalat.islam.gov.my/ms/bahan-ilmiah/artikel/453-aplikasi-e-wallet-adakah-ia-mematuhi-syariah>.

- Bank Negara Malaysia, "Malaysia's Payment System," [https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=ps&pg=ps\\_mps\\_type&ac=177&lang=en](https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=ps&pg=ps_mps_type&ac=177&lang=en), diakses pada 24 Ogos 2020
- D'Alvia, Daniele. "Risk, uncertainty and the market: a rethinking of Islamic and Western finance." *International Journal of Law in Context* 16(4) (2020): 339-352. <https://doi.org/10.1017/S1744552320000154>
- Ibn `Abidin, Muhammad Amin. *Rad al-Muhtar `ala al-Dar al-Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar: Hashiyah Ibn `Abidin*. al-Riyad: Dar `Alim al-Kutub, 2003. Jil. 7.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad `Ali b. Ahmad b. Sa`id. *al-Muhalla*. Mesr: Idarah al-Taba`ah al-Munirah, 1934. Jil. 8.
- Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, "Keputusan Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Wang Elektronik Sebagai Instrumen Pembayaran Patuh Syariah," Mesyuarat MPS ke-201 dan Mesyuarat Khas MPS ke-26 bertarikh 29 dan 30 Januari 2020.
- Malik bin Anas. *Al-Mudawwanah*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1994. Jil. 3.
- Markaz al-Dirasat al-Fiqhiyyah wa al-Iqtisadiyyah. *Mawsu`ah Fatawa al-Imam Ibn Taymiyyah fi al-Mu`amalat wa Ahkam al-Mal*. Qaherah: Dar al-Sa`adah, 2005. Jil. 1.
- Muhammad bin Ahmad Miyarah. *Syarh Muyarah `ala Tuhfat al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1990. Jil. 1.
- Muhammad Adam Suhaimi, M. J. M. Razi, Husniyati Hussin, Mohd Rosydi Muhammad, and Marjan Muhammad. "Muslim Consumers' Perceived Behavior in E-commerce Environment," Kertas Prosiding International Conference on Advance Computer Science Application and Technologies pada 2013.
- Nadhirah Nordin, Sumayyah Aziz, Azlin Alisa Ahmad, & Normadiyah Daud, "Contracting with Gharar (Uncertainty) in Forward Contract: What Does Islam Says?" *Asian Social Science*, 10(15) (2014): 37-47. <https://doi.org/10.5539/ass.v10n15p37>
- Tariq Moqbel dan Habib Ahmed. "Flexibility and Shari`ah Compliance of Islamic Financial Contracts: An Evaluative Framework." *Arab Law Quarterly* 35 (2020): 92-115. <https://doi.org/https://doi.org/10.1163/15730255-BJA10052>
- Umi Widyastuti, Erie Febrian, Sutisna Sutisna dan Tettet Fitrijanti (2020) Sharia Compliant in Sharia Mutual Fund: A Qualitative Approach, *International Journal of Economics and Business Administration*, Vol viii (3) (2020): 19-27.

